

PM rasmi Kompleks Penerangan Pelancongan

UM - 6 SEP 1990

KUALA LUMPUR 5 Sept. — Bangunan Bersejarah, Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang yang diubahsuai menjadi Kompleks Penerangan Pelancongan (MATIC) hari ini dibuka dengan rasmi oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Matthir Mohamad.

Bangunan tersebut dibuka sejak Ogos tahun lalu telah diubahsuai dengan belanja berjumlah \$8 juta. Ia memamerkan ciri - ciri senibina menarik dan merupakan salah sebuah daripada bangunan yang terindah di Bandaraya Kuala Lumpur.

Sebagai Kompleks Penerangan Pelancongan, MATIC dilengkapi dengan peralatan moden dan berkomputer bagi memperkenalkan Malaysia melalui bahan - bahan yang dipamerkan dan persembahan tayangan alat - alat pandang dengar.

Antara kemudahan yang terdapat di situ termasuklah kaunter penerangan pelancong, dewan untuk persembahan kebudayaan, dan ruang - ruang untuk pameran dan demonstrasi permainan nasional.

Perdana Menteri semasa merasmikan kompleks itu melahirkan keyakinan ia dapat memainkan peranan sebagai pusat penerangan dan pengembangan seni budaya negara.

Sungguhpun begitu, kata beliau, kebudayaan negara tidak akan hidup kalau ia tidak dapat menarik perhatian orang atau diminati serta sentiasa orang ingin melihat pertunjukan kebudayaan.

"Dengan adanya Kementerian Kebudayaan dan

Pelancongan, kita lihat kebudayaan kita berkembang maju. Kini tarian - tarian dan lain - lain acara kebudayaan begitu menarik hingga kita bangga melihatnya," kata beliau.

Menurut beliau, tidak ada gunanya kita mempunyai kebudayaan yang tidak dikenali orang, sebaliknya kita diperkenalkan dengan kebudayaan asing.

"Oleh kerana kebudayaan asing dapat dinikmati dan dilihat oleh kita maka masyarakat kita akan dipengaruhi sehingga mungkin membelakangkan kebudayaan sendiri.

"Kalau budaya kita diperkenalkan ke luar negeri melalui pelancongan, sedikit sebanyak ia akan dikenali dan akhirnya dapat menangkis kesan - kesan budaya asing di kalangan kita," kata Dato' Sri Dr.

Mahathir.

Beliau memuji seluruh kakitangan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kerana berjaya memajukan bidang pelancongan dan budaya serta membawa keuntungan besar kepada negara.

Matlamat kerajaan, kata beliau, ialah supaya bilangan pelancong meningkat sama dengan jumlah penduduk negara setiap tahun.

Terdahulu itu, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Dato' Sabaruddin Chik berka, sejak dibuka 0 gos tahun lalu seramai 100,250 orang pelawat dan pelancong telah melawat MATIC. MATIC juga katanya, menerima kira - kira 50 panggilan telefon setiap hari daripada orang ramai dan juga pelancong.